

AKTIVITI 5

Baca petikan di bawah dengan sebutan yang betul. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



Ini Kamil. Dia seorang murid yang jujur dan sentiasa menjaga tingkah laku dalam kehidupannya. Setiap hari, Kamil memastikan semua tugas sekolah disiapkan kerana dia tidak mahu menipu gurunya. Jika Kamil menemui barang milik orang lain, dia akan menyerahkannya kepada guru agar barang tersebut dapat dikembalikan kepada pemiliknya. Dia tidak mengambil sesuatu yang bukan miliknya kerana dia tahu perbuatan itu salah. Di sekolah, Kamil selalu bercakap benar walaupun dia melakukan kesalahan. Gurunya memuji sikap Kamil kerana dia menjadi contoh murid yang jujur. Setiap malam, Kamil berdoa supaya dia terus menjadi seorang yang amanah dan dihormati oleh semua orang.

1. Nyatakan sikap Kamil ?

_____ dan
_____.

(2 markah)

2. Apakah yang dilakukan Kamil jika dia menemui barang milik orang lain?

_____ agar
_____.

(2 markah)

3. Mengapa Kamil tidak mengambil sesuatu yang bukan miliknya?

_____ kerana
_____.

(2 markah)

4. Apakah sikap Kamil ketika dia melakukan kesalahan?

walaupun _____.

(2 markah)

5. Mengapakah Kamil berdoa setiap malam?

_____ supaya _____
_____.

(2 markah)

